

HYDROSIL TABLET

Magnesium Hydroxide/ Aluminium Hydroxide/ Simethicone (200mg,200mg, 20mg).

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Hydrosil
2. Bagaimana Hydrosil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hydrosil
4. Cara menggunakan Hydrosil
5. Semasa menggunakan Hydrosil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hydrosil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hydrosil

Untuk melegakan kesakitan perut akibat ulser gastrik, sakit perut, terlalu banyak rembesan asid perut, dan dalam pedih ulu hati

Bagaimana Hydrosil berfungsi

Magnesium Hidroksida dan Aluminium Hidroksida merupakan antasid yang bertindak meneutralkan rembesan asid di dalam perut.

Simethicone memecahkan buih gas yang terhasil akibat masalah penghadaman dan meredakan kembung perut dan rasa tidak selesa.

Sebelum menggunakan Hydrosil

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Hydrosil jika:

- alah (hipersensitif) terhadap *magnesium hydroxide, aluminium hydroxide, simethicone* atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- mempunyai masalah buah pinggang.
- mempunyai paras fosfat yang rendah dalam darah.
- mengalami sekatan (tersumbat) pada bahagian perut (gastrosus tersumbat).

-Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Hydrosil jika anda:

- sedang menjalani dialysis
- perlu mengambi diet rendah fosfat
- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Hydrosil tidak boleh diambil bersama ubat-ubatan lain seperti tetracycline atau rifampicin (antibiotik), besi, digoxin (ubat jantung), cimetidine (ubat pedih hati), chlorpromazine (antipsychotic), atau penicillamine (antirheumatic). Sekiranya doktor anda memulakan ubat-ubatan ini,

jarakkan pengambilan ubat tersebut 1 hingga 2 jam selepas Hydrosil.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Hydrosil

-Berapa banyak harus digunakan

2 hingga 4 tablet dikunyah atau dihisap apabila sakit atau menjangka akan mengalami kesakitan.

-Bila perlu digunakan

Biasanya diambil antara waktu makan atau sebelum tidur.

Ikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Elakkan penggunaan untuk jangka masa yang lama.

Berdasarkan nasihat doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

-Jika terlupa menggunakannya

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Jika dos seterusnya adalah hampir, ambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom terlebih dos adalah berlebihan magnesium dalam darah, kulit kemerahan, rasa dahaga, tekanan darah yang rendah, mengantuk, sukar untuk bernafas, denyutan jantung tidak normal, koma dan kegagalan jantung.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terambil secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

Semasa menggunakan Hydrosil

-Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Kunyah atau hisap tablet sebelum telan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini tanpa nasihat doktor atau ahli farmasi.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan

jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Jika diambil mengikut dos yang ditetapkan, Hydrosil biasanya tidak memberikan kesan sampingan.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Orang Awam→Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Hydrosil

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih berbentuk bulat, bertepi serong dan rata, dicetak timbul dengan simbol pada satu permukaan dan garis pemisah pada permukaan satu lagi.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Magnesium Hydroxide, Aluminium Hydroxide, Simethicone.

-Bahan tidak aktif

Colloidal Silicon Dioxide, Magnesium Stearate, Dry Orange Flavour, Dry Peppermint Flavour, Saccharin Sodium, Purified Water, Isopropyl Alcohol, Sugar, Starch, Polyvinylpyrrolidone.

-Nombor MAL

MAL19912874X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini

22/06/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)140618/00177